

27 negara keluar amaran tsunami

B/H 12/4/12
ms 8.

Penduduk segera ke tempat tinggi cari perlindungan



Gempa Aceh

BANDA ACEH: Gempa bumi magnitud 8.7 skala Richter diikuti tiga gegaran susulan melanda Aceh semalam menyebabkan penduduknya segera ke tempat lebih tinggi selain menyebabkan bangunan bergoyang di beberapa negara, manakala amaran tsunami dikeluarkan kepada 27 negara. Gempa pertama melanda pada 4.38 petang diikuti gegaran magnitud 8.2 dua jam selepas itu dan dua lagi gegaran susulan melanda tidak lama kemudian.

Gegaran turut dirasakan di beberapa negara sehingga di selatan India apabila ramai yang segera keluar dari bangunan pejabat kerana gusar bencana akan menimpa seperti pada 2004. Pusat gempa dikesan 500 kilometer ke barat daya Banda Aceh, di utara Sumatera, lapor Biro Kajian Geologi Amerika Syarikat.

Gegaran pertama berlaku pada kedalaman 33 kilometer menye-

baskan bekalan elektrik terputus dan ramai penduduk berkejar ke tempat lebih tinggi dengan laungan siren memberi amaran kedengaran.

“Bekalan elektrik terputus, kesesakan berlaku ketika ramai pergi ke tempat lebih tinggi. Siren dan bacaan ayat suci al-Quran turut diperdengarkan,” kata jurucakap agensi menangani bencana, Sutopo.

Presiden Indonesia, Susilo Bambang Yudhoyono, berkata belum ada kematian atau kerosakan dilaporkan di Aceh.

“Keadaan di Aceh terkawal, ada juga yang panik tetapi sudah ramai yang pergi ke tempat lebih tinggi,” kata Susilo.

Televisyen Indonesia menunjukkan penduduk berhimpun dekat beberapa masjid di Banda Aceh manakala orang lain berlegar di jalan raya sambil mendukung anak yang menangis.

Di Kota Medan, sebuah hospital



Bekalan elektrik terputus, kesesakan berlaku ketika ramai pergi ke tempat lebih tinggi. Siren dan bacaan ayat suci al-Quran turut diperdengarkan

Sutopo

Jurucakap agensi bencana Indonesia

memindahkan pesakit menggunakan kerusi roda.

Pihak berkuasa Indonesia mengakui ada laporan mengatakan paras air laut meningkat dekat perairan Aceh tetapi kurang satu meter.

“Tidak ada ancaman daripada tsunami tetapi kami tetap berjaga-jaga,” kata Susilo pada sidang akhbar bersama Perdana Menteri Britain, David Cameron yang menyatakan kesediaan membantu jika perlu.

Pihak berkuasa di wilayah Phuket pula menutup lapangan terbang sebagai langkah berjaga-jaga selain membunyikan siren amaran. Pusat pelancongan itu turut dilanda tsunami pada 2004.

Gempa terbaru dirasai sehingga ibu negara Thailand, Bangkok dan selatan India dengan ratusan pekerja pejabat di Bangalore keluar dari bangunan, manakala pelabuhan Chennai ditutup kerana kebimbangan dilanda tsunami.

Kekuatan gempa hampir dengan apa yang berlaku pada 2004 pada kedalaman 30 kilometer di sepanjang garis gempa di bawah Lautan Hindi dari barat Indonesia hingga ke Teluk Benggala.

Gegaran juga dirasakan di Sri Lanka apabila ramai pekerja di pejabat di ibu negara Colombo, lari keluar pejabat masing-masing.

Menteri Pengurusan Bencana Sri Lanka, Mahinda Amaraweera, menggesa penduduk bertenang dan menasihatkan mereka berada di pantai ke tempat tinggi. - Reuters



PENGHUNI Flet Sri Sarawak, Basrah Abdullah, 56, (tiga dari kanan) menceritakan detik gegaran yang dirasakan ketika berada di rumahnya kepada jirannya yang turut merasa gegaran sebelum bergegas turun dari rumah pangsa 15 tingkat di Jalan Loke Yew di Kuala Lumpur, semalam.